

Sebelum ini pelajar perempuan didakwa tendang guru

Kosmo 21/10/08 M/S 8

Lagi bergaduh SMK Perlis

Oleh ZAID MOHD. NOOR
zaid.mohdnoor@yahoo.com.my

KANGAR – Selepas kejadian pelajar perempuan tingkatan dua menendang seorang guru wanita di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Perlis di sini Khamis lalu, insiden pergaduhan melibatkan pelajar tercetus lagi di sekolah sama semalam.

Dalam kejadian pukul 11 pagi itu, pihak sekolah terpaksa meminta bantuan polis bagi meleraikan pergaduhan yang berlaku di belakang bangunan sekolah tersebut.

Kumpulan pelajar yang bergaduh enggan mendengar arahan guru supaya berhenti bergaduh.

Ekoran kejadian itu, beberapa ibu bapa dan penjaga pelajar terbabit bergegas ke sekolah tersebut.

Ketua Polis Daerah Kangar, Supritendan Yusof Md. Diah berkata, pihaknya menghantar beberapa anggota polis selepas menerima laporan mengenai pergaduhan yang tercetus.

Menurut beliau, selepas kehadiran beberapa anggota polis, pergaduhan itu dapat dikawal.

Yusof memberitahu, ekoran kejadian itu beberapa pelajar yang terlibat dalam pergaduhan itu telah dibawa ke balai polis untuk diambil keterangan.

“Pergaduhan itu dipercayai ber-

punca daripada perselisihan faham sesama pelajar terbabit yang kemudiannya merebak kepada pergaduhan.

“Kita telah mengambil keterangan daripada beberapa pelajar yang terlibat untuk membantu siasatan dan setakat ini tiada sebarang tindakan diambil,” katanya di sini semalam.

Yusof bagaimanapun enggan menyatakan jumlah pelajar yang terbabit dalam pergaduhan itu dan berapa ramai pelajar yang ditahan.

Difahamkan dalam kejadian itu terdapat beberapa pelajar yang cedera.

Kosmo! difahamkan pengaduhan itu berpunca daripada salah faham sekumpulan pelajar yang tidak berpuas hati apabila sekumpulan pelajar lain menendang beberapa buah basikal yang diletakkan di kawasan sekolah tersebut.

Dalam kejadian Khamis lalu, seorang guru Sivik dan Geografi sekolah itu, Azhana Ibrahim telah ditendang dan dipukul oleh seorang pelajar perempuan yang tidak berpuas hati dengan tugas sekolah yang diberikan.

Kejadian itu berlaku selepas pelajar terlibat menulis perkataan kesat pada buku tugas yang diserahkan kepada guru tersebut.

Kejadian itu menyebabkan pelajar perempuan itu digantung sekolah.



BEBERAPA pelajar dibawa oleh guru kepada pegawai polis untuk diambil keterangan berhubung pergaduhan di SMK Perlis semalam.